



## **UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

### **PERATURAN BADMINTON CAMPURAN**

#### **1.0 NAMA**

Kejohanan ini dinamakan Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia.

#### **2.0 PERATURAN PERTANDINGAN**

Mengikut Undang-Undang dan Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan ini.

#### **3.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN**

Selain dari peraturan yang terkandung, maka sukan ini akan dijalankan mengikut Undang-undang Permainan Persekutuan Badminton Sedunia (BWF) yang berkuatkuasa pada ketika ini. Semua acara badminton akan menggunakan sistem kiraan 42 mata. Pihak yang mencapai mata 42 dahulu akan dikira sebagai pemenang. Tiada mata deuce diberikan.

#### **4.0 KELAYAKAN**

Rujuk Perkara 4.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Antara Gabungan Universiti Putra Malaysia.

## 5.0 PENDAFTARAN PASUKAN/PEMBENTUKAN PASUKAN

### 5.1 Pertandingan Berpasukan

BILANGAN PEMAIN	LELAKI	WANITA
MINIMUM	6	3
MAKSIMUM	8	5

5.2 **Borang Pendaftaran** yang telah disahkan hendaklah dihantar **selewat-lewatnya 3 hari sebelum kejohanan bermula** kepada Unit Pengeloaan Sukan, Pusat Sukan, Universiti Putra Malaysia.

5.3 Seorang pemain dibenarkan hanya bermain dalam **1 acara** sahaja dalam sesuatu perlawanan (*tie*).

5.4 Susunan perlawanan sesuatu pertandingan (*tie*) adalah seperti berikut:-

5.4.1 **Perseorangan LELAKI**

5.4.2 **Beregu LELAKI**

5.4.3 **Beregu WANITA**

5.4.4 **Beregu LELAKI (VETERAN)**

5.4.5 **Beregu CAMPURAN**

5.5 Borang susunan pemain mengikut susunan perlawanan hendaklah diserahkan kepada *Referee* Kehormat setengah jam sebelum sesuatu pertandingan (*tie*) dimulakan.

5.6 Sebarang gantian tidak dibenarkan selepas sesuatu pertandingan dimulakan.

## 6.0 REFERI KEHORMAT/KETUA PENGADIL/PENGADIL

Rujuk Perkara 7.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Antara Gabungan Universiti Putra Malaysia

## 7.0 PAKAIAN DAN PERALATAN

Rujuk Perkara 8.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Antara Gabungan Universiti Putra Malaysia

- 7.1 Setiap pemain/pasukan hendaklah memakai pakaian yang dibenarkan dalam undang-undang permainan berkenaan.
- 7.2 Jika kedua-dua pasukan memakai pakaian yang sama warnanya, pasukan yang namanya mula-mula tercatat dalam jadual pertandingan mestilah menukar kepada pakaian yang lain warnanya.

## **8.0 SISTEM PERTANDINGAN**

Rujuk Perkara 10.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Antara Gabungan Universiti Putra Malaysia

## **9.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN**

### 9.1 Pemberian Mata

Menang	-	2 Mata
Kalah	-	0 Mata

- 9.2 Jika dua (2) atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:
  - 9.2.1 Pasukan yang memenangi perbezaan bilangan perlawanan yang terbanyak dikira menang (*matches difference*).
  - 9.2.2 Jika masih seri, pasukan yang memenangi perbezaan bilangan set yang terbanyak dikira menang (*games difference*).
  - 9.2.3 Jika masih seri, pasukan yang mendapat perbezaan mata yang terbanyak dikira menang (*points difference*).
  - 9.2.4 Jika masih seri lagi, pasukan yang pernah mengalahkan lawannya dikira menang.
  - 9.2.5 Jika 3 atau lebih pasukan masih seri, pasukan yang mendapat jumlah mata permainan yang terbanyak dikira menang.

## **10.0 KELEWATAN**

- 10.1 Hanya 15 minit sahaja akan diberikan kepada pasukan yang lewat dan selepas itu pihak lawan akan diberikan kemenangan percuma dengan kiraan 5 – 0.
- 10.2 Hanya 5 minit sahaja akan diberi kepada seseorang pemain yang lewat dan selepas itu, pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan kiraan 21-0, 21-0.

## **11.0 MENARIK DIRI**

Rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Antara Gabungan Universiti Putra Malaysia.

## **12.0 BANTAHAN**

Rujuk Perkara 15.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Antara Gabungan Universiti Putra Malaysia.

## **13.0 PENANGGUHAN PERLAWANAN**

Rujuk Perkara 13.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Antara Gabungan Universiti Putra Malaysia.

## **14.0 HADIAH**

Rujuk Perkara 12.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Antara Gabungan Universiti Putra Malaysia.

## **15.0 PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN**

Rujuk Perkara 21.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Antara Gabungan Universiti Putra Malaysia.